

Pemberdayaan B40 melalui Wakaf Pendidikan di Malaysia

**Oleh: Wan Mohd Al Faizee Wan Rahaman
Pensyarah Jabatan Pengurusan Citra Islam
Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur**

Wakaf adalah harta yang ditahan daripada hak pewakaf daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat disamping mengekalkan sumber fizikalnya. Manfaat harta wakaf digunakan untuk tujuan kebajikan umum atau khusus dengan niat untuk mendekatkan diri kepada Allah. Amalan wakaf merupakan satu amalan sedekah seiring dengan perkembangan Islam itu sendiri.

Wakaf telah berfungsi menjadi agen pembangunan ekonomi umat Islam dan merupakan kontrak tabarruat dalam sistem muamalat Islam. Wakaf turut mampu membantu golongan tertentu untuk meningkatkan taraf hidup dan menjana aset kekayaan umat Islam. Firman Allah 3:92:

“Kamu tidak sekali-kali akan mencapai hakikat kebajikan dan kebaktian yang sempurna sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan. Maka sesungguhnya Allah lebih mengetahuinya”.

Para ulama menyatakan bahawa para sahabat telah berijma’ tentang kesahihan wakaf dan kepentingannya seperti disebutkan melalui perkataan Jabir R.A:

“Sekiranya semua sahabat ada kemampuan, nescaya mereka akan mewakafkan sebahagian daripada harta di jalan Allah”

Kedudukan wakaf yang penting dalam muamalat seharian umat islam dan telah berkembang seiring dengan perkembangan Malaysia sebagai hub perbankan islam.

Wakaf dan pendidikan mempunyai hubungan yang erat dan telah membuahkan hasil seperti lahirnya pusat-pusat pengajian terkemuka di dunia seperti Universiti Al-Azhar Al-Syarif, Jamiah Islamiyah Madinah, Universiti Cordoba di Andalusia dan sebagainya . Impak sosial diterjemahkan oleh wakaf melalui segmen pendidikan kerana *outcome* yang akan dicapai mampu memberikan kegemilangan kepada sesebuah tamadun. Di Malaysia, perkembangan wakaf melalui pendidikan bermula dengan perkembangan Sekolah Agama Rakyat (SAR), Sekolah Agama Negeri (SAN), Madrasah dan Pondok. Pada permulaannya, pengurusan wakaf ini berjalan secara tidak teratur dan tidak diuruskan secara organisasi. Namun, setelah kuasa menguruskan wakaf diletakkan di bawah kuasa Majlis Agama Islam Negeri, pengurusan wakaf pendidikan telah melalui fasa perubahan yang lebih baik. Sehingga kini, masih belum wujud mana-mana institusi wakaf pendidikan di Malaysia yang berdiri di atas dana wakaf sepenuhnya. Walau bagaimanapun, sejak daripada tahun 2015, usaha-usaha yang telah diketengahkan oleh kerajaan persekutuan dengan memperkenalkan “buku ungu” yang menjadi *blueprint*” bagi pembangunan wakaf pendidikan tinggi telah mendorong universiti awam untuk menyahut seruan pemerksaan tersebut.

Terdapat pelbagai pendekatan untuk memperkasakan wakaf antaranya:

- 1) Menambah kesedaran masyarakat terhadap wakaf melalui pengajian agama dan rombakan dalam silibus pengajian kuliah di masjid dan surau.
- 2) Memperkasakan pentadbiran melalui fungsi, produk dan kepentingan untuk meningkatkan taraf hidup umat Islam. Penubuhan JAWHAR untuk membantu menyelaraskan aktiviti pembangunan wakaf oleh MAIN selaku pemegang amanah tunggal harta wakaf di negeri-negeri.
- 3) Integrasi dan kerjasama bersama institusi kewangan Islam bagi memperkenalkan produk-produk baharu untuk membiayai pembangunan aset wakaf.
- 4) Menyemak semula akta-akta wakaf bertujuan untuk membuka pembangunan aset wakaf yang beku
- 5) Melantik nazir khas (*mutawalli*) untuk memudah cara nazir utama.
- 6) Memanfaatkan sumber ekonomi umat Islam seperti zakat untuk program pendidikan.

Bagi memperkemas lagi potensi wakaf pendidikan tersebut, semua pihak perlu berganding bahu untuk mengukuhkan kedudukan wakaf dalam bentuk pendidikan ini. Antara perkara yang perlu diambil perhatian adalah dari sudut pengurusan pentadbiran. Skop yang jelas perlu digariskan dalam menguruskan pendidikan sama di peringkat rendah atau tinggi. Yang kedua, pengurusan wakaf perlu memberikan perhatian yang lebih kepada pengurusan sumber kewangan. Sumber kewangan wakaf yang datang daripada orang awam perlu diperkasakan. Manakala, sumber yang telah diterima perlu dipastikan kelestarian untuk jangka masa panjang. Selain itu, tenaga pakar turut perlu diperkemas. Wakaf dalam bentuk perkhidmatan untuk sektor pendidikan telah dijalankan oleh universiti termuka seperti Harvard dan Yale di Amerika Syarikat. Justeru, kefahaman yang tinggi dari tenaga pakar dapat menyumbang kepada keberlangsungan wakaf pendidikan. Tidak ketinggalan juga untuk pengurusan wakaf menekankan soal promosi dan pemasaran. Nilai integriti dan kepercayaan yang tinggi dalam pengurusan membantu tujuan promosi dan pemasaran.

Pemeriksaan tersebut adalah bertujuan untuk mencapai matlamat kumpulan sasaran wakaf iaitu benefisiari atau penerima manfaat. Pendidikan merupakan bahagian asas dan wajib diterima oleh masyarakat. Setiap masyarakat tidak mengira identiti dan latar belakang kehidupan perlu menerima pendidikan yang baik. Perkembangan ini mungkin memberikan kesan kepada golongan yang berpendapatan rendah terutama apabila niat untuk menyambung pengajian di peringkat yang lebih tinggi. Mengikut statistik Kementerian Kewangan 2016, sejumlah RM 7.4 juta bantuan BR1M telah diperuntukkan kepada kumpulan B40. Bantuan berbentuk bayaran one-off telah disasarkan kepada golongan ini oleh kerajaan yang lepas. Golongan B40 menjadi kayu ukur kelayakan mereka sebagai kumpulan yang layak menerima zakat.

Bagi meningkatkan pemberdayaan golongan ini, pendidikan merupakan asas utama yang akan melorongan kejayaan serta mengeluarkan mereka daripada kesusahan yang telah dialami. Pendidikan yang berkualiti memerlukan perbelanjaan yang besar. Wakaf sebagai agen dapat membantu menyediakan platform yang bersesuaian untuk mengangkat kumpulan ini sebaris dengan masyarakat di luar sana. Oleh itu, proses pemeriksaan melalui pelbagai sudut diteruskan sebagai mencapai keberhasilan yang diimpikan oleh setiap lapisan masyarakat.

Majlis Agama Islam WP (MAIWP) melalui anak-anak syarikat berasaskan pendidikan seperti Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur dan Kolej Universiti PICOMS untuk membentuk sebuah Universiti Wakaf di Malaysia. Justeru, MAIWP selaku pemegang amanah wakaf di Wilayah Persekutuan telah menganugerahkan kepada Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL) sebagai mutawalli khas pada Oktober 2018. Tambahan pula, fokus utama Pendidikan yang hendak diangkat oleh kedua-ke dua kolej ini adalah bersasarkan kepada kumpulan B40. Justeru, KPBKL telah mengorak langkah dengan mewujudkan Pusat Wakaf Intelek untuk tujuan kutipan dan pembangunan wakaf dalam konteks pendidikan di Wilayah Persekutuan. Pelbagai perancangan dan kolaborasi telah disusun bagi menunaikan agenda besar ini. Semoga segala perancangan tersebut dipermudahkan dan memberikan impak kepada semua masyarakat Islam di Malaysia.